

PM ingatkan rakyat tak alpa walaupun kes turun

BH - 19/12/2021 m/s: 4

Bera: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengingatkan rakyat untuk tidak alpa walaupun kes baharu COVID-19 mula menunjukkan penurunan sejak kebelakangan ini, berbanding puluhan ribu kes ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

Beliau berkata, semua rakyat perlu menyedari situasi COVID-19 di Malaysia masih 'belum pulih dan belum selamat' walaupun jumlah kes baharu berjaya diturunkan menerusi pelbagai kaedah, termasuk vaksinasi dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi mengurangkan penularan jangkitan baharu.

"Ketika pengumuman PKP pertama jumlah kes ialah ratusan dan saya berjanji kepada rakyat bahawa bila kita membuka semula negara, buka semula peluang perniagaan, kita tidak akan tutup semula. Sebab itu yang boleh pastikan PKP tidak diperkenalkan semula ialah kita

sendiri mematuhi SOP.

"Kerajaan sudah berjanji tidak akan ada PKP seperti dahulu, tetapi kalau kes tiba-tiba meningkat disebabkan varian baharu ini, mungkin sukar untuk kita mengekalkan keadaan ini," katanya berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bera, semalam.

Beliau berkata, pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP), khususnya pemakaian pelitup muka dan tidak berada dalam kawasan sesak perlu terus dipraktikkan terutama selepas Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan kes kedua varian Omicron di Malaysia, baru-baru ini.

Ismail Sabri berkata, Malaysia juga perlu mengambil iktibar daripada pengalaman negara luar yang hampir berjaya mengatasi penularan COVID-19, namun akhirnya kes baharu dan kematian kembali meningkat akibat ketidakpatuhan SOP.

Sementara itu, Ismail Sabri







yang juga Naib Presiden UMNO berkata, kestabilan politik penting untuk negara kembali pulih daripada kesan ekonomi yang berpunca daripada COVID-19, selain turut menjejaskan pelaburan luar negara di Malaysia.

Disebabkan itu, kestabilan politik dijadikan sebahagian daripada tiga agenda utama beliau selepas mengambil alih pentadbiran negara, membawa pertemuan bersama pemimpin pembangkang bagi mendapatkan persefahaman bagi memberi ruang secukupnya, bagi beliau mengatasi masalah COVID-19 dan ekonomi negara.

"Sebelum itu, kita lihat bagaimana keadaan dalam Parlimen seperti berperang dari awal mula bersidang hingga akhir, selain serangan sana sini menerusi media. Selepas mencapai persefahaman dengan pembangkang walaupun tidak semua, keadaannya adalah lebih baik walaupun perang mulut masih berlaku," katanya.

Ibadat & Faidilat

Amru bin Shuaib RA meriwayatkan daripada bapanya daripada datuknya bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda: "Janganlah engkau mencabut uban kerana ia adalah cahaya orang Islam pada hari kiamat." (HR Abu Daud, Tirmizi dan Nasa'i)

 KAWASAN	 SUBUH	 ZUHUR	 ASAR	 MAGHRIB	 ISYAK
Kangar	6:09	1:18	4:39	7:10	8:24
Alor Setar	6:09	1:18	4:39	7:10	8:25
P. Pinang	6:08	1:18	4:40	7:11	8:26
Ipoh	6:05	1:16	4:38	7:11	8:26
Kuala Lumpur	6:00	1:13	4:36	7:10	8:25
Shah Alam	6:00	1:13	4:36	7:10	8:25
Johor Bahru	5:48	1:04	4:28	7:04	8:19
Kuantan	5:53	1:07	4:31	7:05	8:20
Seremban	5:56	1:11	4:35	7:10	8:24
Bandar Melaka	5:55	1:11	4:34	7:09	8:24
Kota Bharu	6:01	1:11	4:32	7:03	8:13
K. Terengganu	5:56	1:07	4:28	7:00	8:15
Kota Kinabalu	5:06	12:16	3:38	6:09	7:24
Kuching	5:23	12:40	4:03	6:39	7:54